

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 2 Mac 2021 12:38 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: NAIB CANSELOR KONGSI IDEA, PERANCANGAN DAN HARAPAN BERSAMA PEGAWAI TADBIR



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

2 MAC 2021 / 18 REJAB 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

NAIB CANSELOR KONGSI IDEA, PERANCANGAN DAN HARAPAN BERSAMA PEGAWAI TADBIR



UUM ONLINE: Pegawai Tadbir merupakan tulang belakang universiti dan perlu bergerak seiring untuk membantu mencapai agenda, sekali gus menjadikan UUM sebagai universiti terbaik di Malaysia dan dunia.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, dalam sesebuah universiti, yang memainkan peranan penting bukan sahaja ahli akademik bahkan ahli bukan akademik kerana tugas itu menjurus kepada bidang masing-masing.

“Staf pentadbir yang memainkan peranan penting untuk memacu universiti ke arah yang lebih cemerlang. Andalah yang membantu memperkemas jentera pentadbiran UUM yang sudah berusia lebih 30 tahun.

“Menguruskan manusia lebih sukar kerana kita mempunyai pelbagai latar belakang dan idea serta perlu mengasah bakat baru, justeru kita perlu siapkan pelapis supaya bersedia meneruskan kesinambungan agenda universiti,” katanya pada Sesi Interaksi Naib Canselor Bersama Pegawai Tadbir UUM, Auditorium SOIS.

Beliau menyifatkan pencapaian yang dikecapi sangat membanggakan kerana usaha yang dilakukan mendatangkan hasil yang sangat lumayan menyaksikan peningkatan demi peningkatan.

“Pelan Strategik Fasa II: 2016-2020 telah berakhir, justeru barisan pentadbir merupakan tulang belakang universiti agar pencapaian Pelan Strategik UUM Fasa III: 2021-2025 yang mempunyai 6 teras menjadi lebih cemerlang,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, Jabatan Pendaftar perlu mendokumentasikan bagaimana UUM bergerak dan berkembang dalam usaha untuk memantapkan universiti di masa akan datang.

Sementara itu, Timbalan Pendaftar, Ahmad Rasidi Abdullah berkata, pertemuan ini menjadi platform kepada Naib Canselor untuk berinteraksi bersama Pegawai Tadbir berkongsi idea, perancangan dan harapan.

“UUM melakar kejayaan penting, saya harap kerjasama yang diberikan selama ini dapat diteruskan dalam fasa ketiga untuk melonjakkan nama universiti di persada antarabangsa,” katanya.

Beliau optimis semua barisan pegawai dapat menunjukkan prestasi tahap maksimum dan memberi sokongan kepada Jabatan Pendaftar dalam merealisasikan perancangan demi kejayaan bersama.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.